

**'SUDAH SEWAJARNYA BELIAU MEMEGANG  
JAWATAN NOMBOR DUA DALAM PARTI'**

74

# Mahathir

UM 23 MAR 1997

# umum Ghafar bertanding

Oleh Idzan Ismail

**KUALA LUMPUR 22 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan, Encik Abdul Ghafar Baba akan bertanding merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO di perhimpunan agung parti 24 April ini.**

Serentak dengan itu beliau secara terbuka mengumumkan sokongannya kepada Encik Ghafar dengan disambut oleh tepukan yang bergemuruh dari orang ramai yang hadir di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini.

Pengumuman Perdana Menteri itu, yang dibuat di hari terakhir mesyuarat bahagian - bahagian UMNO, sekali lagi mendapat tepukan gemuruh bila Datuk Sri Dr.

Mahathir dengan lantang berkata bahawa memang sudah sewajarnya Encik Ghafar kini memegang jawatan nombor dua dalam parti setelah 25 tahun menjadi naib presiden. "Ghafar sudah 25 tahun menjadi Naib Presiden UMNO, eloklah beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO. Ganggu sedikit jika Timbalan Perdana Menteri tidak menjadi Timbalan Presiden UMNO," kata beliau.

Menurut beliau, memang sudah sewajarnya Timbalan Perdana Menteri memegang jawatan nombor dua dalam parti untuk membantunya mentadbirkan negara.

Beliau berucap merasmikan sidang perwakilan tujuh bahagian UMNO di Wilayah Persekutuan yang diadakan

secara serentak di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Bahagian - bahagian itu ialah Bukit Bintang, Titi Wangsa, Lembah Pantai, Batu, Sungai Besi, Kepong dan Seputih. Ramai perwakilan yang ditemui selepas upacara perasmian itu berpendapat memang kena pada tempatnya Datuk Sri Dr. Mahathir membuat pengumuman itu oleh kerana hari ini adalah hari terakhir sidang perwakilan bahagian dan Encik Ghafar pula adalah Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan.

Perdana Menteri selaku Presiden UMNO menegaskan beliau mahu Encik Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden 'supaya saya tidak susah membuat kerja kelak.

"Yang lama itu (Datuk Musa Hitam) nak dikekalkan sūsah sedikit. Dia sudah letak jawatan kemudian nak bertanding lagi mempertahankan jawatannya.

"Mula dah letak jawatan, kemudian tarik balik dan lepas itu buat angkara pula... jadi ini satu masalah jika beliau bertanding, jelasnya disambut dengan tepukan gemuruh para hadirin."

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian memuji kesetiaan Encik Ghafar kepada parti yang 'tidak kacau orang' yang menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO sungguhpun beliau keluar daripada kerajaan semasa pentadbiran Tun Hussein Onn.

"Sungguhpun Encik Ghafar sudah lama menjadi Naib Presiden UMNO, beliau tidak pernah kata beliau mahu menjadi timbalan presiden. Baru inilah saya meminta ahli UMNO yang menjadi ahli perwakilan mengundinya sebagai timbalan presiden," ujarnya.

**LIHAT MUKA 6**

**MAHATHIR UMUM GHAFAR BERTANDING**

Perdana Menteri berkata beliau mahu seorang timbalan yang boleh bekerja bersamanya kerana masih banyak lagi yang perlu diperjuangkan termasuk melindungi kepentingan bangsa Melayu yang masih lemah dalam hal ekonomi.

Pesanannya ialah: 'Jangan tukar kuda di pertengahan sungai. Jika kita sedang membawa kuda di arus kuat, dan masa itu kita nak menukar kuda, kuda itu kelak dibawa arus.'

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan akan tiba masanya pertukaran pemimpin perlu berlaku iaitu apabila seorang itu sudah tua, melatah dan pelupa.

"Saya fikir saya belum latah, belum pelupa dan sanggup bekerja. Saya akan undur diri apabila tiba masanya tetapi janganlah saya ditolak.

"Semua dalam UMNO adalah kawan - kawan yang sama - sama berjuang. Tetapi apabila saya dikatakan menjadi penghalang hasrat mereka, rupa sayapun diubah menjadi hodoh, kelakuan amat tak baik dan perlu disingkirkan serta-merta sebolehnya pada pemilihan 24 April," katanya dengan nada sedih.

Mengenai kekosongan yang berlaku apabila Encik Ghafar bertanding untuk

kerusi timbalan presiden, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Pertandingan mesti berlaku. Tetapi saya tidak mahu kata lebih daripada itu."

Sambil berseloroh Perdana Menteri berkata: "Apabila Ghafar menjadi timbalan presiden, kadang - kadang bila saya pergi ke luar negeri, saya harap janganlah buat benda berbeza daripada pendapat kerajaan, tukar dasar atau tukar tempat. "Ini satu amaran. Tapi saya tahu dia tidak akan begitu."

Beliau membidas orang - orang tertentu yang tidak sabar hendak naik ke atas sehingga sanggup memecahbelahkan parti

asaikan hasrat mereka tercapai.

"Bukan saya tidak mahu beri peluang. Saya nak beri peluang. Tetapi jika ditolak, saya marah sikittlah...itu marahpun cara sopan."

Beliau menekankan perlunya kesetiaan ahli UMNO kepada parti dan bukannya dua atau tiga orang pemimpin yang bercita - cita hendak menjadi Perdana Menteri. Ini ada orang nak menjadi Presiden UMNO. Yang sebenarnya ialah hendak menjadi Perdana Menteri. Apa yang sudah diperolehi tidak mahu diiktirafkan, tetapi yang belum dapat itu, yang dia mahu. Sambil menyeru orang

UMNO melupakan soal peribadi, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dalam pemilihan UMNO tidak timbul soal Marcos dan Aquino.

"Ada orang berkata kononnya saya diktator seperti Marcos tidak memberikan peluang orang lain bercakap dalam kabinet atau Majlis Tertinggi. Kononnya semua cuma berkata ya, ya, ya! "Ini not logiklah," katanya dengan sambutan gelak ketawa perwakilan semasa beliau memberikan contoh bagaimana Majlis Tertinggi bermesyuarat sehingga pukul 4 pagi cuma untuk membincangkan perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana

Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini membawa cerita baru tentang dakwaan kononnya beliau memiliki rumah di Antartika dan itulah sebab Malaysia memperjuangkan isu Antartika.

Beliau mahukan bukti nyata untuk menyokong tohmahan kononnya beliau juga mempunyai rumah di Cameron Highlands dan Genting Highlands.

Nasihat Perdana Menteri menjelang pemilihan ialah jangan sekali - kali membenarkan nafsu orang - orang tertentu menghancurkan UMNO tetapi sebaliknya mencintai UMNO sebagai satu keluarga yang bersatu-padu untuk warisan anak cucu